

Elemen Kebangsawanan dalam Pemilihan Pemimpin: Analisis Kontekstual Pemilihan Saidina Abu Bakr, Muawiyah serta Kesultanan Melayu

Aristocratic Elements in Leader Election: Contextual Analysis in The Election Of Saidina Abu Bakr, Muawiyah and Malay Sultanate

Mohd Haidhar Kamarzaman (Pengarang Penghubung)
Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi
Tel: +6013-2001920 E-mail: mohd_haidhar@yahoo.com

Norakmal Azraf Awaluddin
Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi
Tel: +6013-2653743 E-mail: ibnu_ddin@yahoo.com

Muhammad Akmal Othoman
Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi
Tel: +6019-3731743 E-mail: skru89@yahoo.com

Yusri Mohamad Ramli
Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi
Tel: +6012-3529509 E-mail: yusri_mr@ukm.my

Abstrak

Pemilihan pemimpin negara dalam Islam merupakan tugas yang berat ini selaras dengan kepentingannya dilihat sebagai pengganti Rasulullah (s.a.w) iaitu menyebarkan Islam dan mentadbir kelangsungan Islam. Namun yang menjadi fokus kepada penulisan ini adalah faktor kebangsawanan dalam pelantikan pemimpin dalam Islam. Kajian ini memfokuskan kepada sejarah bagaimana elemen kebangsawanan kaum Quraisy bagi Saidina Abu Bakar r.a menjadi faktor yang berpengaruh dalam pelantikan beliau sebagai khalifah Islam yang pertama, Muawiyah sebagai pemimpin Bani Umayyah yang pertama dan kebangsawanan dalam pemilihan pemimpin di Tanah Melayu seterusnya merentasi perbahasannya ke Malaysia dari sudut pelantikan kesultanan dan pembesar melayu serta pelantikan Perdana Menteri yang

mewakili era moden. Metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan dengan merujuk segala karya-karya berkaitan perkara yang dibincangkan dalam kajian ini. Hasil kajian dalam penulisan ini adalah kebangsawanan merupakan satu faktor yang melengkapkan pemilihan pemimpin walaupun bukan satu syarat yang muktamad dalam Islam. Bahkan istilah kebangsawanan itu juga digunakan mengikut kesesuaian budaya setempat sebagaimana yang ditunjuki dalam dua konteks pemilihan khalifah Islam yang pertama, Muawiyah dan Tanah Melayu seterusnya Malaysia.

Katakunci: Kebangsawanan, Quraysh, Pemilihan Pemimpin, Khalifah, Kesultanan Melayu.

Abstract

The selection of Islamic leaders in this task is of great importance. It is consistent with its importance as this is being seen as ensuring the successor of the Prophet (pbuh) to spread Islam and sustaining Islamic survival administration. Nonetheless, the focus of this paper is on the appointment of aristocratic leaders in Islam. This study focuses on the history of how the elements of aristocratic Quraish affected the selection of Abu Bakr who became the most influential factor in his appointment as the first Muslim caliph, Muawiyah as the first Umayyad leaders. This study also focusses on the aristocracy approach in the selection of the next leaders across Malaya to Malaysia from the point of debate to the appointment of chiefs and Malay sultanate. Subsequently, it scrutinises also the appointment of the Prime Minister who represents the modern era. The methodology used is the study of literature with reference to all the papers relating to matters discussed in this paper. The findings in this literature is that aristocracy is a factor that completes the selection of a leader. However, it is not the ultimate terms in Islamic's leader election. Even the aristocratic term is also used to suit the local culture as shown in the two contexts of selection of the first caliph of Islam as well as Malaya, and then Malaysia.

Keywords: *Aristocracy, Quraysh, Leader selection, Caliph, Malay Sultanate*

Pendahuluan

Islam dan politik adalah simbiosis yang tidak sama sekali dapat dipisahkan kerana pengamalan politik yang berlandaskan kehendak Tuhan itu akan lebih menjamin kelangsungan perjalanan Islam di muka bumi ini dan sebaliknya. Sebagaimana yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW dan juga para sahabatnya yang dilihat Islam dan politik berkembang dengan baik dan lancar sekali. Maka dengan yang demikian, kajian ini menjurus kepada sistem politik yang diamalkan oleh

Islam, khususnya di zaman khulafa Rasyidin. Sememangnya penumpuan kepada generasi awal Islam adalah kerana isunya bermula di zaman ini iaitu pelantikan kepimpinan berlandaskan kepada kebangsawanan iaitu bangsa quraish. Kronologi dari zaman inilah yang menjadi sebab utama bagaimana kebanyakan ulamaewartakan bahawa kebangsawanan adalah faktor penting dalam melantik pemimpin.

Sebagaimana yang pernah dikatakan oleh Naquib al-attas bahawa kepimpinan dalam Islam bukan sahaja berkaitan menguruskan perubahan tetapi apa yang lebih penting adalah menguruskan kehidupan dengan kesedaran yang penuh antara yang tetap dan juga tidak berubah. Kepimpinan itu adalah amanah, yang datang sekali dengannya adalah tanggungjawab dan kebolehan (Al-Attas dan Wan Mohd Nor, 2007). Persoalannya di sini, apakah Islam memandang kepada darah kebangsawanan dalam pelantikan pemimpin ini? Adakah golongan mereka sahaja yang seharusnya memegang tampuk pemerintahan di dunia Islam? Atau adakah kebangsawanan ini hanyalah sebagai suatu kebetulan dalam pemilihan pemimpin berasaskan syarat-syarat yang telah diletakkan oleh ulama Islam? Persoalan-persoalan sebegini sememangnya perlu dijawab dan kajian ini memfokuskan kepada isu-isu ini.

Pendefinisian Bangsawan

Kebangsawanan adalah terminologi yang asalnya kalimahnyanya adalah bangsa yang merujuk kepada jenis manusia daripada sesuatu keturunan dan juga merujuk kepada darjat tertinggi dan juga keturunan mulia. Manakala definisi kepada bangsawan adalah orang berbangsa dan orang yang berketurunan mulia. Manakala makna kebangsawanan pula adalah kedudukan yang bersifat bangsawan dan sifat kemuliaan (Noresah, 2005). Manakala dalam bahasa Inggeris istilah yang digunakan adalah *aristocracy*, *aristocrat* dan *aristocratic* yang mana membawa makna pemerintahan oleh golongan bangsawan, orang dari golongan bangsawan dan kelakuan seperti orang

bangsawan (Kamus Dwibahasa, 1985) Ini jelas menunjukkan bahawa dalam konteks Melayu, melihat kebangsawanan adalah istilah yang merujuk kepada keturunan atau nasab yang mulia jika dibandingkan dengan rakyat marhain. Ini mungkin sinonim dengan keturunan sultan, raja-raja, pemimpin-pemimpin atau pembesar-pembesar tempatan.

Manakala jika kita tinjau pula pendefinisian kebangsawanan di Barat, istilah bangsawan ini sangat sinonim dengan terma *feudal* atau *feudol*. Dalam Bahasa Jerman pula *edeling*, Bahasa Latin pula *nobiles* yang membawa makna yang sama dengan bangsawan. Status kebangsawanan ini membolehkan seseorang yang memilikinya mendapat status yang sangat tinggi berbanding dengan rakyat yang lain dan yang pastinya golongan-golongan ini dilantik sebagai pemimpin sesebuah komuniti hatta sesebuah negara. Di samping, ada juga yang menganggap bahawa golongan *feudal* ini adalah suci dan memiliki hak istimewa yang asli. Namun budaya di Barat, kebiasaannya *feudal* tidak akan bertahan lama kerana keangkuhan dan keegoan sebagai pemimpin dan rampasan kuasa berlaku serta situasi ini seolah-olah seperti roda (Sartono, 1981). Berlandaskan kepada definisi ini, penulis melihat satu tabiat pemerintahan kebangsawanan itu adalah tidak bertahan lama kerana sikap pemerintah yang sentiasa bermegah-megah telah mencipta lubang keegoan, korupsi dan pelbagai lagi masalah sehingga ia dijatuhkan sendiri oleh rakyat mereka sendiri.

Teori Perlantikan Pemimpin

Di zaman awal Islam, kepimpinan tertinggi yang memegang jawatan pemimpin utama menggunakan istilah Khalifah. Secara umumnya khalifah juga sinonim dengan *al-imam* dan juga *sultan*. Secara bahasanya khalifah ini bermaksud berada dibelakang dan penulis menyesuaikan dengan konteks politik, lalu bermaksud seseorang yang berada dibelakang Rasulullah (s.a.w) dalam menegakkan hukum-hukum Islam. Atau makna yang lebih spesifik adalah seseorang

ketua yang dilantik bagi menjalankan perintah-perintah agama dan dunia sebagai pengganti Nabi Muhammad SAW. Diturunkan khalifah ini juga sebagaimana juga diperturunkan Nabi kepada umat Islam pada suatu ketika dahulu. Ibnu Khaldun melihat khalifah adalah seseorang yang dipertanggungjawabkan sebagai wakil Nabi dalam menjalankan *siyasiah* dan juga agama yang pada akhirnya nanti membawa kepada kebahagiaan dunia dan akhirat (Ali Husni, 1969).

Pelantikan pemimpin atau khalifah adalah perintah dari Tuhan. Oleh yang demikian itu, di awal-awal penulisan ini lagi telah dijelaskan bahawa kepentingan jawatan ini adalah keutamaan dalam Islam. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa pelantikan khalifah bukan sahaja membawa misi kelangsungan untuk hidup di duni ini tetapi misi yang lebih penting adalah membawa misi kelangsungan sistem syariah Islam terus bersinar dan berkembang. Oleh sebab yang demikian, syarat-syarat untuk menjadi pemimpin dalam Islam adalah sangat ketat yang merangkumi aspek keduniaan dan juga aspek ukhrawinya. Bahkan kedua-dua aspek ini perlu seimbang. Selayaknya dalam mengkaji mengenai politik Islam, tokoh yang paling terkenal membicarakan hal ini adalah Ibnu Khaldun menerusi karya utamanya iaitu *Muqaddimah*. Dalam karyanya ini, Ibnu Khaldun secara terperinci membincangkan mengenai ciri-ciri seorang pemimpin yang perlu ada dalam seseorang individu yang mahu bergelar seorang pemimpin menurut Islam. Antaranya adalah; pengetahuan, berhemah tinggi, berkesanggupan, pancaindera dan anggota badan yang tidak mempunyai sebarang kecacatan yang boleh mempengaruhi pertimbangan dan tindakannya sebagai pemimpin dan berketurunan Quraisy

Manakala Ibn Hazam mendahulukan kebangsawanan Quraisy dalam pensyaratan pemilihan pemimpin dalam Islam. Kemudiannya barulah, Ibn Hazam mengemukakan syarat yang menyusul iaitu baligh, lelaki, muslim, tidak cacat, tegas, berani, tidak kedekut dan tidak membazir. (Muhammad Yusuf, 1963).

Dalam persyaratan mengenai khalifah ini, ulama fakih masih lagi berselisih pendapat dalam menentukan sifat-sifat tersebut dan berlainan antara satu dengan yang lain. Menurut al-Baqillani telah mengemukakan sehingga empat syarat iaitu; seorang yang berbangsa quraisy, memiliki keilmuan, kemampuan untuk memimpin peperangan dan mentadbir tentera dan mampu untuk melindungi rakyat dari kezaliman dan mampu juga untuk menentang kezaliman tersebut

Abu Ya'la pula mengatakan pemimpin itu mesti juga quraisy, alim, berkemampuan dalam memimpin peperangan, politik dan menjatuhkan hukuman dan juga paling afdal dalam kalangan manusia yang beragama (Nazar Muhammad, 2009). Jikalau kita lihat pendapat-pendapat tokoh-tokoh Islam di atas, ternyata keturunan atau kebangsawanan menjadi satu syarat penting dalam pemilihan seseorang khalifah atau pemimpin Islam. Mengapa faktor kebangsawanan atau quraisy menjadi sangat dominan dalam pemilihan pemimpin. Siapakah ia kaum quraisy ini sehingga menjadi faktor penentu dalam pelantikan pemimpin dalam Islam.

Mengapakah dalam kesemua teori-teori kepimpinan di atas di letakkan syarat oleh ulama-ulama muktabar Islam dihadirkan dengan syarat kebangsawanan iaitu Quraisy? Dari sudut ini perlu dilihat dalam beberapa situasi yang akan diterangkan di bawah nanti, iaitu mengapa mereka (Quraisy) dan bukan kabilah Arab yang lain yang jumlahnya beratus-ratus kabilah dan berbagai bangsa sekitar zaman tersebut. Adakah kelayakan bangsa-bangsa lain tidak setaraf dengan Quraisy? Atau adakah bangsa-bangsa lain tidak pernah memimpin atau tidak mampu memimpin masyarakat pada ketika itu?

Quraisy adalah suku kaum atau bangsa yang Nabi Muhammad juga termasuk dalam kalangan bangsa ini di mana datuknya iaitu Abdul Mutalib adalah ketua bagi bangsa ini. Bangsa ini menduduki tempat yang sangat penting dalam al-Quran dan juga silsilah sejarah Nabi

Muhammad SAW dan penduduk Arab pada ketika itu. Berdasarkan kepada tradisi Islam, sememangnya diakui bangsa ini mempunyai tempat yang sangat baik di sisi Muhammad sebagaimana yang telah disebut oleh Nabi sendiri. Baginda bersabda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar: "Jawatan khalifah itu seharusnya diberikan kepada kepada bangsa Quraisy walaupun yang hanya tinggal dua orang, seorang akan menjadi pemimpin dan seorang manjadi rakyat". Adapun pengaruh menggunakan bangsa quraisy menjawat posisi penting dalam pentadbiran nampaknya sudah berkurangan seperti mana zaman pemerintahan Abasiyyah dan juga kesultanan Turki (Hughes 1964). Bagaimana boleh timbulnya penetapan kaum quraisy sebagai syarat penting dalam pemilihan seseorang pemimpin dalam Islam sehinggakan ulama-ulama terdahulu meletakkannya sebagai satu syarat yang perlu dipatuhi dalam pelantikan ketua negara ini.

Isu Konteks Kebangsawanan Dalam Pelantikan Abu Bakar Al-Siddiq

Jawapannya sudah wujud sejak nabi Muhammad masih bersama-sama dengan sahabat yakni ketika Baginda masih hidup. Ini adalah kerana terdapat banyak hadith yang sahih yang menyatakan keutamaan quraisy diangkat sebagai pemimpin, khilafah itu dilantik dalam kalangan pembesar-pembesar Quraisy. Tambahan pula serta kebetulan berlaku persaingan kaum quraisy dan bani hashim sering dilantik sebagai khilafah. Atas dasar kebangsawanan ini lah yang menjadi duri dalam daging antara penduduk ansar dan juga muhajirin yang berbangsa quraisy. Taraf kebangsawanan quraisy ini ada diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim dalam sahihnya, iaitu:

- (a) Diriwayatkan dari Mua'wiyah r.a yang mendengar dari Rasulullah (s.a.w) bersabda: seseungguhnya kekuasaan itu terletak di tangan kaum quraisy dan sesiapa yang memberontak terhadap kaum ini, Allah akan membinasakannya pula (Al-Mundziri, 2004);
- (b) Ibnu Umar pernah meriwayatkan, bahawa

Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: “kekuasaan itu terletak di tangan kaum quraisy walaupun mereka hanya berjumlah dua orang sahaja”. (Al-Mundziri, 2004); (c) Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah (s.a.w) bersabda: “Manusia dalam hal kebajikan dan keburukan adalah ikut kepada kaum quraisy; kemusliman mereka juga mengikut kemusliman kaum quraisy demikian pula halnya dengan kekufuran mereka. (Muslim, 1999); (d) Jabir b Samurah meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda bahawa agam ini akan sentiasa berjaya dan kuat di tangan dua belas khalifah dan mereka itu semuanya datang dari kalangan kaum quraisy. (Muslim, 1999)

Atas dasar ini yang menjadikan ramai dalam kalangan ulama-ulama ahli Sunnah meletakkan syarat pemimpin mestilah dari kalangan bangsa quraisy dilihat sebagai keutamaan berbanding kaum yang lain (Dhiaudin, 2001). mungkin disebabkan manhaj ahli sunnah itu sendiri yang beramal dan mentaati pernyataan hadith sahih walaupun masih terdapat hadith dan pernyataan sahabat yang melonggarkan keutamaan kaum quraisy ini. Sebagaimana yang pernah disabdakan sendiri oleh Nabi Muhammad iaitu: “*Dengarlah dan taatilah walaupun seandainya yang memimpin kamu semua adalah seorang hamba Habsyi Dzu Zabibah*”. Manakala Umar pernah mengatakan: “*Seandainya Salim hamba Huzaiifah masih hidup, akan saya angkat beliau untuk menduduki kekuasaan atau tidak akan ada keraguan dalam hatiku akan kedudukannya*”. Namun ahli sunnah menafsirkan hadith yang disebutkan oleh Nabi tadi hanya mencakupi tugas pemimpin yang kecil bukan pemimpin dalam sesebuah negara (Dhiaudin, 2001).

Ketika mana Nabi telah wafat dan pelantikan Abu Bakar banyak dialog yang menyebut quraisy adalah kaum yang hebat berbanding kaum yang lain. Selepas sahaja nabi Muhammad SAW wafat, umat Islam di Madinah kelihatannya terkejut kerana pada saat itu masih tiada lagi pemimpin yang dilantik untuk meneruskan legasi Islam di sana. Oleh yang demikian, atas dasar inilah umat yang pelbagai di Madinah

bersatu dalam membentuk dan melantik pemimpin serta merencana satu pelebagaan yang memberi keutamaan kepada penduduk Madinah yang mempunyai pelbagai kaum (Mukarram Ahmed 2005:). Dalam kitab *Bidayah Wa Nihayah* karangan Ibnu Kathir ada menyebutkan bahawa pelantikan pemimpin ini sebagai satu masalah yang paling penting ketika itu kerana sebahagian Ansar keliru dengan beranggapan bahawa jawatan khalifah itu dari kalangan mereka. Bahkan ada yang berpendapat kaum Ansar dan Muhajirin telah mengangkat pemimpin masing-masing. Namun isunya di sini, apabila Abu Bakar mengatakan bahawa pemimpin tidak dilantik melainkan datangnya dari kaum quraisy (Ibnu Kathir, 2004).

Pertelingkahan ini bermula ketika mana Rasulullah (s.a.w) telah wafat dan berlaku satu persidangan kaum Ansar di Saqifah bani Saidah yang mana Saad bin Ubadah telah berpidato dalam menyakinkan masyarakat bahawa kaum Ansar adalah pemimpin yang layak dengan mengatakan: “*Amma ba’du*, kami adalah kaum Ansar penolong Allah dan pejuang-pejuang Islam, dan kalian wahai kaum Muhajirin adalah dari kalangan Nabi Muhammad yakni Nabi kami, dan sesungguhnya telah muncul tanda-tanda dari kamu bahawa kamu akan turut menguasai kami di sini, di tempat tinggal kami ini dan akan mengambil alih kekuasaan dari kami”. Pernyataan Saad bin Ubadah ini telah membuatkan Umar marah dan hampir menimbulkan huru-hara tetapi dihalang oleh Abu Bakar yang sangat dihormati oleh Umar kerana beliau adalah gurunya sendiri (Ibnu Kathir, 2004).

Kemudian barulah Abu Bakar berdiri dan menyampaikan apa yang ingin diketengahkan: “*Amma ba’du*, apapun kebaikan yang telah kamu sebutkan tadi sememangnya ada kebenarannya dan kalian adalah orangnya. Namun orang Arab hanya mengenali dan mengetahui kabilah ini iaitu kaum quraisy. Secara nasab merekalah yang paling mulia antara bangsa-bangsa Arab. Demikian pula tempat tinggal mereka (quraisy) adalah yang paling mulia daripada seluruhnya.

Oleh yang demikian itu, aku (Abu Bakar) rela jika urusan kekhalifahan ini diserahkan kepada salah satu daripada kedua orang ini iaitu Abu Ubaidah bin al-Jarrah dan Umar al-Khatab". Namun Umar mengatakan bahawa pemimpin yang layak hanyalah Abu Bakar sahaja. Kemudian ada seorang dari kalangan kaum Ansar yang mencadangkan melantik pemimpin dalam kalangan Ansar dan juga dalam kalangan Muhajirin menjaga kelangsungan puak masing-masing. Dari sini berlaku sekali lagi huru-hara. Maka Umar meminta Abu Bakar memberikan tangannya dan segera Umar membaiah Abu Bakar sebagai pemimpinnya. Kemudian diikuti oleh semua muhajirin dan barulah kaum Ansar juga membaiah Abu Bakar sebagai pemimpin (Ibnu Kathir, 2004).

Apakah Abu Bakar dilantik disebabkan oleh keturunannya yang datang dari kalangan kaum quraisy? Jawapannya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam *Musnadnya* yang mengatakan: "Tatkala Rasulullah (s.a.w) wafat, kaum Ansar telah mencadangkan pemimpin itu dilantik di pihak Ansar dan juga di pihak Muhajirin. Bermaksud ada dua orang pemimpin yang dicadangkan oleh Ansar. Namun Umar segera menempelak dengan mengatakan: "Wahai kaum Ansar, bukankah kamu mengetahui bahawa Rasulullah (s.a.w) telah memerintahkan Abu Bakar menjadi imam manusia ketika solat? Siapa antara kamu yang mempunyai hati yang lebih mulia dari Abu Bakar? Maka kaum Ansar mengatakan: "Nauzubillah bila kami mengaku bahawa kami lebih mulia dari Abu Bakar? Di samping juga, Abu Bakar itu adalah manusia yang menjadi peneman kepada Baginda ketika berada dalam gua. Dialah yang menjadi keutamaan dan paling dikedepankan berbanding yang lain (Ibnu Kathir, 2004).

Berdasarkan kepada dua bukti yang cukup kuat dari segi periwayatannya iaitu melalui hadith Nabi dan peristiwa pelantikan Abu Bakar telah menunjukkan kronologi yang menyeluruh mengapa quraisy dilantik sebagai seorang pemimpin dalam Islam. Seperti mana

yang pernah dikatakan oleh penulis, bahawa kedua-dua dalil ini menjadi titik tolak ulama terkemudian terpengaruh untuk meletakkan syarat quraisy sebagai sesuatu yang perlu diamalkan dalam melantik ketua negara. Namun penulis memegang riwayat yang dikatakan oleh Imam Ahmad dalam *Musnad* bahawa pelantikan Abu Bakar bukan kerana keturunannya atau kebangsawannya yang quraisy tetapi adalah kerana kemuliaanya di mata umat Islam ketika itu yang memandang beliau adalah sebaik-baik manusia selepas nabi dalam memimpin manusia ketika itu. Mungkin kebangsawanan itu adalah bonus kepada Abu Bakar untuk dilantik sebagai pemimpin. Namun, yang paling utama adalah kebaikan akhlaknya dan dia adalah manusia yang terbaik ketika itu.

Signifikan Quraisy Dalam Pemilihan Pemimpin

Berlandaskan kepada beberapa hadith dari Rasulullah (s.a.w) yang sentiasa mengatakan bahawa quraisy adalah sebaik-baik pemimpin yang wajar dipilih sebagai ketua menjadi batu asas yang kuat mengapa para ulama yang disebutkan di atas tadi juga meletakkan keturunan quraisy sebagai syarat dalam pemilihan pemimpin dalam Islam. Di samping bagaimana sejarah pelantikan Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali juga menjadi batu asas praktikal yang diteorikan dan disabdakan oleh Nabi Muhammad begitu menyakinkan bahawa kaum quraisy adalah sebaik-baik kaum yang mampu untuk memimpin umat Islam tidak kaum lain walaupun pada masa itu quraisy sekadar kaum muhajirin atau pendatang berbanding kaum ansar. Persoalannya apakah darah kebangsawanan yang dipegang quraisy itu sememangnya dipandang sebagai mulia atau ia mempunyai dasar lain kepada sebalik pelantikan khulafa rasyidin ini?

Dr Taha Hussein dalam bukunya *Fitnatul Kubra* mengatakan keutamaan kaum quraisy waktu itu yang dilantik sebagai khalifah bukan kerana darahnya dan tidak juga kerana kerabatnya dengan Nabi Muhammad tetapi semata-mata

kerana kedudukan politik dan agama mereka yang sangat kuat pada ketika itu. Kebanyakan orang Islam yang pertama adalah datangnya dari kaum quraisy sehingga mereka merasai keperitan dan penderitaan dakwah bersama Nabi Muhammad. Kebanyakan dari pahlawan-pahlawan Islam juga datangnya dari bangsa quraisy. Beliau menegaskan inilah alasannya bukan kerana darah keturunannya. Namun setelah kuasa politik mereka mulai hilang sebagaimana yang diulas oleh Ibn Khaldun, maka hak untuk menjadi pemimpin diberikan seluas-luasnya kepada kepada sesiapa yang memenuhi syarat agama, moral dan politik yang sempurna. Sebagaimana yang ditulis oleh beliau lagi mengatakan hak kuasa bangsa quraisy ini adalah memiliki hak memerintah dan juga memiliki hak memberi nasihat, adapun orang Ansar hanya mempunyai hak sebagai pemberi nasihat dan bukannya sebagai pemimpin. Lagi pula jika dilihat dari pandangan Marzuki Mahmood yang menjelaskan pemilihan Abu Bakar untuk menjadi khalifah pada ketika itu (setelah berlaku sedikit perselisihan antara muhajirin dan ansar) adalah merupakan pemilihan disepakati keseluruhannya oleh kaum muslimin sama ada muhajirin mahupun ansar. Tidak ada sebarang paksaan mahupun kecenderungan pemilihan yang berlaku pada ketika itu yang menerapkan ideologi kebangsawanan atau dalam pemilihan khalifah Abu Bakar. Bahkan peristiwa perlantikan itu berlaku dalam situasi yang sangat damai, iaitu melalui perbincangan dikalangan dua pihak terbesar, Muhajirin dan Ansar dan semua orang boleh memberikan pendapat. Lagi pula ditambah, berlaku dua sesi baiah ketika perlantikan Abu Bakr iaitu baiah pertama adalah dilakukan oleh kelompok elit dan yang kedua pula oleh keseluruhan (*Baiah Ammah*) menjadikan ianya tiada kecenderungan pemilihan berasaskan keturunan (Marzuki, 1994)

Hujahan Dr Taha juga turut menjelaskan bagaimana Abu Bakar, Umar dan lain-lain sahabat yang sangat berkeras mahu melantik pemimpin menggantikan Nabi Muhammad dari kalangan muhajirin adalah kerana Abu Bakar

sendiri melihat kegigihan dan penderitaan kaum muhajirin bersama Nabi Muhammad menyebarkan Islam berbanding kaum Ansar yang kemudiannya baru merasai nikmat Islam. Dr Taha berhujah berlandaskan kepada, jika Abu Bakar memikirkan kebangsawanan dari sudut darah dan pertalian dengan Nabi untuk dilantik sebagai khalifah, sudah tentu Abu Bakar akan melantik al-Abbas iaitu bapa saudara Nabi atau Ali bin Abu Talib iaitu sepupu Nabi dan ramai lagi yang berkelayakan berbanding Abu Bakar dan Umar jika kebangsawanan dari sudut darah dipertimbangkan sebagai indikator khalifah itu dilantik. Sebaliknya Abu Bakar memandang muhajirin yang terlebih dahulu menerima Islam berbanding kaum Ansar.

Namun pertimbangan memilih pemimpin bukan sesuatu yang melihat kepada sudut luaran atau keturunan semata-mata kerana Islam tidak memandang kepada keturunan dalam menilai kebaikan dan tarafnya di sisi Allah. Ini adalah kerana apa yang penting adalah ketaqwaan kepada Allah. Sebagaimana yang pernah diucapkan oleh Saidina Umar r.a: “ Andaikata Abu Ubaidah masih hidup, pasti aku melantiknya sebagai khalifah dan andaikata Salim iaitu hamba kepada Abu Huzairah masih hidup, pasti aku melantik beliau menjadi khalifah”. Pendapat Umar ini jelas menunjukkan bahawa prinsip lantikan dalam Islam itu tidak memandang kepada semua ini dan apa yang penting dalam melantik pemimpin adalah ketaqwaan, kecekapan dan juga berpengalaman. (Taha Hussain, 1966)

Ibn Khaldun dalam kitab *Mukaddimah*nya yang mengatakan bahawa pensyaran kaum quraisy ini adalah berdasarkan kepada ijmak yang diperolehi daripada para sahabat pada hari Saidina Abu Bakar dilantik menjadi khalifah. Sesuatu yang menjadikan kaum quraisy ini seakan istimewa adalah kerana perasaan *assabiyyah* atau kekitaan yang sangat kuat antara mereka. Adapun apa yang berlaku kini adalah kekuasaan kaum quraisy menjadi lemah dan luntur disebabkan perpaduan (*assabiyyah*) antara mereka sudah luntur kerana kuasa

yang dimiliki menjadikan mereka orang yang sombong dan juga pemimpin yang rasuah. Dengan yang demikian, mereka menjadi terlalu lemah untuk mentadbir dan menjalankan tugas sebagai seorang khalifah. Maka apa yang berlaku adalah kaum-kaum lain cuba untuk mengawal dan merampas kedudukan eksklusif kaum Quraisy sebagai prasyarat dalam pemilihan pemimpin (Ibnu Khaldun, 1993).

Qadhi Abu Bakar al-Baqillani juga bersetuju dengan Ibnu Khaldun dengan mengatakan bahawa perasaan *assabiyyah* dalam kalangan orang Quraisy telah mulai lemah dizamannya dan penguasa bukan Arab mula menguasai pemerintahan khalifah. (Ibnu Khaldun, 1993). Ibnu Khaldun menyatakan juga, bahawa pemilihan Quraisy sebagai pemimpin adalah disebabkan kedudukan kaum ini yang lebih berkuasa dari kaum-kaum di Arab ketika itu, kaum mereka yang lebih ramai dan perpaduan serta kebangsawanan mereka telah membuat kaum Quraisy ini dipandang lebih hebat berbanding yang lain. Jika pemilihan pemimpin diserahkan kepada kaum selain Quraisy, maka apa yang berlaku adalah ketidaktaatan dan kerosakan menimpa. Oleh yang demikian, atas sebab itu juga, Nabi menyatakan bahawa kepentingan kaum Quraisy dilantik sebagai pemimpin atas dasar kebangsawanannya dan kehebatan ini supaya mereka bersatu dan menghindari perpecahan dan kekacauan demi terciptanya persaudaraan, perpaduan dan perlindungan (Ibnu Khaldun, 1993).

Kini jelaslah kepada kita bahawa perlantikan Quraisy sebagai pemimpin adalah untuk menghindarkan perpecahan dan membina persepaduan dan keharmonian semenanjung Arab ketika itu, bukan sebagai satu persyaratan yang diletakkan oleh masyarakat Arab yang memilih pemimpin dalam kalangan mereka. Namun adapun, Quraisy ini adalah contoh yang berlaku di semenanjung Arab yang dikuasai oleh kaum bangsawan ini, adapun Nabi tidak pernah meletakkan sebarang hukum khusus bagi sesuatu generasi, zaman atau bangsa tertentu. Ibnu Khaldun menyenaraikan kaum Quraisy

adalah kerana perasaan kekitaan atau *asabiyyah* yang kuat antara mereka (Ibnu Khaldun, 1993).

Selanjutnya, Ibnu Khaldun mengatakan setelah kedudukan politik dan agama semakin menjadi lemah dan rasa fanatik mereka menjadi lenyap sebagai akibat dari kemewahan hidup dan kesenangan duniawi yang diperolehinya dari segenap penjuru Negara, maka berkurangnya kewibawaan mereka sehingga menimbulkan keraguan setengah ulama dan akhirnya mereka menolak syarat Quraisy sebagai sesuatu yang mutlak sebagai (Ibnu Khaldun, 1993). Dari sini jelas menunjukkan pandangan Ibn Khaldun terhadap pemilihan pemimpin dikalangan Quraisy adalah tertakluk pada masa dan tempat tertentu. Andainya persyaratan tersebut diharuskan dalam pemilihan pemimpin, maka sukar untuk tertegak sesebuah kepemimpinan disebabkan tempat dan masa tidak bersesuaian. Lagi pula jika diletakkan dalam realiti zaman sekarang, di mana keturunan Quraisy yang mahu dicari untuk diletakkan menjadi pemimpin di setiap negara.

Jikalau kita lihat pula, dalam tradisi Islam perlantikan menjadi khalifah mestilah seseorang yang datangnya dari keturunan Quraisy sebagaimana Rasulullah (s.a.w) sendiri datangnya dari kelompok terbesar tersebut. Bahkan legasi pemilihan kepemimpinan dari kalangan keturunan Quraisy dilihat berterusan sehingga kepada pemerintahan Umayyah dan Abbasiyah, begitu juga di zaman pemerintahan Syiah di zaman Fatimiyyah, Mesir (Arnold, 1965). Adakah ini menjadi satu kemestian di kalangan masyarakat Arab sehingga ke zaman Syiah meletakkan Quraisy sebagai pemimpin? Jika menurut perspektif Syiah, memang benar pemimpin seharusnya dan wajib dipimpin oleh kalangan masyarakat Quraisy dan secara spesifiknya keturunan Nabi s.a.w, bahkan meletakkan syarat pemilihan pemimpin adalah melalui sistem Imamah yang telah diwariskan oleh Nabi s.a.w. Bahkan ianya menjadi Usul Aqidah dalam mazhab Syiah untuk meletakkan kepemimpinan dibawah kepemimpinan Imam mereka (Marzuki, 1994).

Begitu juga Abdullah bin Umar pernah mengatakan bahawa mereka ini (*khulafa rassyidin*) adalah ikutan atau contoh yang baik kerana mereka adalah sahabat-sahabat Nabi yang paling baik dalam kalangan mereka ketika itu, hatinya bersih, tidak langsung tertarik dengan keduniaan. Di samping sememangnya, Allah melantik mereka sebagai penolong Nabi dalam menegakkan agama suci Allah. Bahkan mereka mempunyai hak dan keistimewaan dalam menjaga dan mentadbir Islam setelah ketiadaan Nabi kelak (Hussain, 1974).

Manakala A. Hasjmy juga mengatakan bahawa perlantikan memihak kepada kaum quraisy adalah sesuatu yang masih diperdebatkan dan masih tidak dianggap mutlak semata-mata merujuk kepada kaum ini sahaja. Cumanya pensyaran quraisy sebagaimana yang diterangkan di atas hanya lah bersifat kesempurnaan sahaja. Beliau mengatakan lagi bahawa hadith-hadith yang mengarahkan kepada bai'ah kepada keturunan Quraisy sebagai syarat penting dalam pelantikan khalifah hanyalah merujuk kepada waktu dan tempat yang tertentu. Dalam hal ini juga, ramai dalam kalangan sarjana Islam yang tidak mengemukakan atau menyetujui syarat quraisy sebagai penentu kepada pelantikan pemimpin mengemukakan alasan bahawa umat islam semuanya bersaudara dan tidak ada yang istimewa berbanding taqwa (A. Hasjmy, 1970).

Penulis juga membawakan pendapat Abu Musa ketika berlakunya peristiwa pembunuhan Uthman. Keadaan ketika itu sangat tegang dalam mencari pengganti beliau. Oleh itu telah berlaku pertelingkahan Amru b Ash dan Abu Musa. Lalu Abu Musa menjawab tuduhan Amr bi Ash: “ ya Amru, takwalah kepada Allah. Engkau menyebutkan kebangsawanan Muawiyah. Dia diangkat bukan kerana kebangsawanannya itu. Kalau kebangsawanan itu dan ertinya keluarga Abrahah bin Sabah itu lebih layak akan tetapi kedudukan itu diberikan kepada orang yang beragama dan yang berbudi bahasa. Padahal, kalau aku harus memberikannya kepada orang quraisy yang paling utama, tentu

aku akan memberikannya kepada Ali b Abi Talib. Adapun ucapanmu bahawa Muawiyah berhak menuntut atas darah Uthman, boleh saja engkau mengatakannya tetapi aku lebih mempercayakannya kepada para muhajirin yang pertama (Abdurrahman, 2000)

Adapun pemerintahan setelah berlalunya zaman khulafa' al-Rasyidin yang empat ini, tidak wujud isu mengenai pemilihan pemimpin adalah pemilihan dari konteks kebangsawanan kerana sesudah Muawiyah jelas perantikan pemerintah sesudahnya sehingga berakhir zaman Abasiyyah adalah berdasarkan warisan dari bapanya. Cumanya isu yang telah dijelaskan sebelum ini, adalah perlantikan muawiyah sebagai orang yang pertama dan terakhir melalui sistem pemilihan dan bukannya warisan sesudah khulafa' al-Rasyidin, manakala sesudah Muawiyah isu kebangsawanan dalam pemilihan pemimpin tidak lagi timbul berdasarkan pengamalan sistem warisan. Walaubagaimanapun tindakan Muawiyah dan pucuk pimpinan sesudah beliau yang menggunakan sistem warisan ini tidak dapat dihukumkan sebagai salah kerana jelas tidak ada nas dari al-Quran dan Sunnah yang melarang perbuatan ini, bahkan juga tidak ada nas yang secara jelas kriteria pemilihan pemimpin yang diletakkan. Cumanya hanyalah gambaran-gambaran umum yang diberi oleh Nabi s.a.w dan juga kaedah-kaedah dan cara berijtihad dalam pemilihan kepimpinan kepada masyarakat Islam (Marzuki, 1994). Jadi dari pandangan penulis sendiri, tindakan Muawiyah sebagai orang yang pertama memulakan sistem warisan adalah tidak salah kerana ketidakwujudan nas atau bukti yang mengharamkan tindakan beliau. Malah beliau sebagai seorang khalifah, mempunyai kuasa dan hak untuk melantik mereka yang layak diganti sebagai pemimpin bagi umat pada ketika itu, dan satu lagi nilai tambah yang wujud dalam keturunan beliau iaitu Quraisy menjadikan tindakan beliau melantik anaknya yazid dilihat wajar disamping beliau juga seorang sahabat Nabi yang adil.

Selain daripada itu juga, Muawiyah dilantik

menjadi khalifah pada ketika itu bukanlah atas dasar keturunan Quraisy kerana seandainya sebegitu, sudah pasti Ali terlebih layak memegang jawatan itu, tetapi kerana Ali tidak mahu menuntut bela di atas kematian saidina Uthman menyebabkan Muawiyah menolak untuk mengiktiraf Ali sebagai Khalifah lalu Muawiyah sendiri di baiah oleh majoriti penduduk Syam. Di sini jelas perlantikan Muawiyah menjadi khalifah juga bukanlah atas dasar kebangsawanan yang dimiliki oleh Muawiyah tetapi ada beberapa faktor dan elemen tertentu yang menjadikan beliau diangkat menjadi khalifah menggantikan Saidina Ali r.a. Sebelum Muawiyah dibaiah menjadi Khalifah, beliau sememangnya merupakan seorang Gabenor dan ketua tentera di Syam (Marzuki, 1994). Perlantikan beliau dengan jawatan sebagai gabenor di Syam juga perlu dilihat dari pelbagai perspektif, ianya bukan dipilih berdasarkan dari konteks kebangsawanan beliau, tetapi beliau memang seorang yang pakar dalam strategi peperangan dan berbagai bagai kepakaran dalam bidang yang lain menjadikan beliau mempunyai kelebihan dalam perlantikan beliau. Jika tidak masakan beliau diberi kepercayaan oleh tiga orang khalifah berturut-turut dan memegang jawatan Gabenor di Syam selama dua puluh tahun disamping pengaruh beliau yang sudah begitu kuat dikalangan masyarakat dan penduduk Syam menyebabkan secara terus beliau di baiah oleh penduduk Syam ketika konflik yang berlaku dalam penuntut belaan atas kematian saidina Uthman (Marzuki, 1994). Selain itu juga Muawiyah merupakan seorang yang bijak ketika zaman Rasulullah (s.a.w) dan beliau merupakan salah seorang daripada jurutulis kepada Rasulullah (s.a.w) yang memberikan nilai tambah kepercayaan masyarakat kepada Muawiyah untuk menerima beliau sebagai pemimpin (Mustafa, 2009).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, penulis menegaskan bahawa pemilihan kepimpinan dalam Islam itu tidak memandang kepada faktor darah keturunan dan kebangsawanan seseorang. Ini dapat dibuktikan dengan peristiwa pelantikan khalifah-khalifah Islam terdahulu yang langsung

tidak memandang kepada faktor darah ini. Sekiranya ada yang cuba mengungkit perihal kebangsawanan ini, pasti akan ditempelak oleh para sahabat Nabi ini. Bagi penulis, faktor kebangsawanan ini hanya satu faktor yang menambah kreadibiliti seseorang untuk dilantik sebagai pemimpin dalam Islam. Apa yang paling penting dalam pemilihan pemimpin dalam Islam adalah sikap dan sifat akhlak seseorang itu yang menjadi ukuran penting sebelum syarat kebangsawanan tersebut. Berlandaskan kepada firman Allah: *“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa – bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”* (Al-Hujurat: 13). Maknanya orang yang paling mulia di sisi Allah hanya orang yang bertaqwa bukan orang yang berbangga dengan darjat keturunan.

Kebangsawanan Dalam Kepimpinan Melayu

Sengaja penulis mengengahkan tajuk ini sebagai sub topik untuk diambil perhatian dan seterusnya dikaji sebagai satu yang sebenarnya mempunyai kaitan secara signifikannya dengan kebangsawanan kepimpinan quraisy sebagaimana yang telah dibincangkan di atas tadi. Kaitan yang akan diterangkan dalam penulisan ini adalah bagaimana bangsa Melayu ini masih kekal dominan dalam pemerintahan Malaysia sejak dari zaman kesultanan melayu Melaka lagi. Bagaimana Melayu masih dapat mengekalkan pemerintahan ini sejak dahulu lagi dan yang paling penting adalah pengamalan sistem kebangsawanan dalam melayu itu masih jelas diamalkan sehingga kini. Mungkin boleh dikatakan kajian ini menumpukan kepada kesultanan sehingga pemilihan Perdana Menteri Malaysia yang dilihat memilih individu yang datangnya dari kelompok elit dalam sesebuah komuniti. Oleh yang demikian, penulis akan membahagikan pelantikan ini kepada dua iaitu

pelantikan kesultanan dan juga pelantikan perdana menteri Malaysia.

Dalam hal pemerintahan negara, konsep nasab atau keturunan diambil sebagai sesuatu yang penting dalam kesultanan melayu dahulu kala bahkan ia masih berlanjutan sehingga kini. Dalam pemerintahan raja-raja Melayu mereka akan mengambil jalan mudah iaitu mengahwinkan puteri-puteri mereka dengan keturunan Nabi Muhammad SAW yang secara tidak langsung mempunyai darah keturunan kaum quraisy. Ini lah yang berlaku dalam kebanyakan kesultanan melayu dahulu. Di samping banyakkannya kaum Arab yang datang ke Melaka dalam proses penyebaran Islam dan juga perdagangan. Keturunan mereka kemudiannya melanjutkan pemerintahan secara turun-temurun sehingga ke hari ini (Muzaffar & Suzanna, 2003). Apa yang menariknya, dalam menjaga keamanan istana dan pemerintahan beraja di Nusantara, amalan perkahwinan para puteri raja dengan anak-anak berketurunan bangsawan. Ini adalah rentetan dari amalan para pemerintahan Islam di Tanah Arab yang mana mengahwinkan para putera mereka dengan wanita-wanita bangsawan. Namun amalan ini dilihat membawa bencana kepada pemerintahan Islam apabila masing-masing mengharapkan kenaikan takhta. Oleh yang demikian, model perkahwinan di Tanah Melayu ditukar atas sarananan penasihat agama Istana. Adat Raja-raja melayu yang menetapkan perkahwinannya dengan anak-anak lelaki bangsawan sebagai salah-satu syarat penting dalam mewarisi pemerintahan yang dapat menjamin tiada unsur-unsur pencemaran nasab yang boleh mencetuskan pengkhianatan kepada Institusi Raja-Raja Melayu yang mulia (Muzaffar & Suzanna, 2003).

Sememangnya keturunan sultan adalah keturunan yang dianggap mulia darahnya berbanding rakyat biasa yang menyebabkan sistem kebangsawanan ini juga merebak penggunaan dalam pelantikan pegawai-pegawai istana sesebuah kesultanan dan sistem ini dipertahankan sehingga kemunculan

penjajah British. Untuk melihat model yang digunakan oleh Tanah Melayu dahulu, perlu kita lihat bapa kesultanan Melayu iaitu Melaka. Kerana dipercayai model yang diasaskan oleh Melaka adalah model terawal sistem Beraja di Tanah Melayu. Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan sistem pembesar empat lapis. Ini kerana pemerintahan sultan Melaka dibantu oleh empat orang pembesar iaitu bendahara, penghulu bendahari, temenggung dan laksamana. Mereka ini lah yang menjadi tunggak pembangunan pada zaman melayu Melaka pada satu ketika dahulu. Dibawah pembesar berempat, terdapat beberapa lagi lapisan golongan pembesar. Antaranya ialah pembesar berlapan, pembesar enam belas dan juga pembesar tiga puluh dua. Shahbandar, hulubalang besar dan juga penghulu merupakan antara golongan pembesar yang terletak di bawah pembesar berempat. Sultan merupakan ketua negeri di Melaka. Baginda juga merangkap ketua politik, ketua tentera, ketua agama Islam dan pentadbiran. Sultan Melaka menjadi lambang keagungan negeri Melaka dan pembesar membantu baginda dalam menguruskan hal-hal pentadbiran seharian (Ahmad, 2008).

Penulis melihat sistem beraja ini sangat berjaya sehingga membawa Melaka kepada kegemilangannya yang mashyur suatu ketika dahulu. Sultan mempunyai kuasa yang sangat penuh dalam hal ekonomi, politik dan sosial masyarakat Melayu ketika ini, tetapi setelah kedatangan penjajah, sistem ini disempitkan. Sistem ekonomi dan politik di Tanah Melayu telah banyak berubah dan dipengaruhi oleh pemerintahan kolonial Inggeris apabila pihak Inggeris mula menjajah negeri-negeri di Tanah Melayu. Penguasaan politik dan ekonomi oleh Inggeris ke atas seluruh negeri Tanah Melayu bermula pada tahun 1874. Maka dengan yang demikian, tertubuhlah sistem negeri selat, negeri bersekutu, negeri tidak bersekutu dan sistem Residen. Rentetan dari pemecahan negeri-negeri dan penggunaan sistem Residen ini menyebabkan situasi walaupun sultan dianggap mempunyai kuasa diseluruh kawasan negeri, akan tetapi banyak dari kuasa sebenar sultan

telah terlucut. Misalnya sultan tidak mempunyai asas ekonomi yang benar-benar kukuh seperti boleh memungut cukai atau hasil untuk kegunaan sendiri dan dengan demikian sultan tidak dapat menanggung angkatan senjatanya sendiri. Ertinya, asas kekuasaan ekonomi dan ketenteraan sultan itu sudah terlucut dan ia hanya mempunyai kuatkuasa ke atas hal ehwal agama Islam dan adat istiadat sahaja. Pembesar-pembesar yang dahulunya mempunyai kuasa disebabkan memperoleh pengaruh dari sultan juga sama keadaannya seperti sultan iaitu mereka hilang hak. Walaupun kuasa sultan dan pembesar Melayu seakan hilang dan menyusut, namun sistem pemilihan berlandaskan pewarisan kebangsawanan tetap ada sehingga ke hari ini kerana prinsip diraja masih dijunjung sehingga kini iaitu menjaga darah keturunan ini dari terus kekal mulia dalam susur-galur kesultanan (Husin, 1977).

Jikalau sebelum ini kedatangan Inggeris telah mengilangkan kekuasaan Sultan dan pembesar Melayu yang sebelum itu berkuasa penuh dalam pentadbiran negeri-negeri. Tetapi dengan kedatangan Inggeris juga sekaligus membangunkan sistem demokrasi yang digunapakai sehingga hari ini. Disebabkan sultan tidak lagi memimpin dan mentadbir negara, maka perlu kepada jawatan yang mampu untuk menggantikan tugas sultan tersebut. Oleh yang demikian itu, perdana menteri dipilih dalam kalangan rakyat Malaysia sendiri dengan sistem pilihanraya. Terkesan dengan pemilihan pembesar Melayu dahulu yang berlandaskan kepada sistem kebangsawanan, dalam pelantikan kepimpinan Melayu dan khususnya perdana Menteri yang memerintah Malaysia pada masa kini juga kebanyakannya datang dari keluarga yang diraja atau bangsawan tempatan. Jika kita lihat datuk Onn Jaafar seorang ketua pemimpin Johor, Tunku Abdul Rahman seorang anak raja Kedah, Datuk Abdul Razak adalah anak pegawai kanan kerajaan yang berstatus Datuk. Tun Hussien Onn adalah anak kepada Datuk Onn Jaafar. Jika kita lihat kepimpinan Melayu ini sekarang juga sama sahaja situasinya yang mana Tun Mahathir Mohammed seorang doktor,

Tun Abdullah Ahmad Badawi cucu kepada tokoh agama Melayu iaitu Sheikh Abdullah Fahim dan begitujuga pegantinya Datuk Seri Najib Tun Razak iaitu anak kepada tun Abdul Razak yang datangnya dari pembesar tempatan di Pekan, Pahang (Ahmad, 1984).

Namun apa yang dapat dibezakan di sini adalah kesultanan melihat darah keturunan bangsawan itu sebagai takrif kepada terma kebangsawanan. Namun dalam era moden, kebangsawanan itu mempunyai takrif yang berlainan. Golongan bangsawan ini bukan sahaja datang disebabkan kemuliaan darahnya tetapi ketinggian dalam memahami ekonomi, politik, ketenteraan, agama, seni dan pelbagai lagi bidang berbanding rakyat biasa. Menjadikan mereka ini disanjung sebagai golongan elit dalam sesebuah komuniti. Jika kita mengimbuai kembali sejarah di waktu zaman penjajahan, golongan-golongan ini dilihat memimpin jemaah rakyat dalam menentang penjajah kerana mereka ini mampu untuk merancang dan memahami situasi sekeliling berbanding rakyat biasa seperti Tok Janggut, Dato Bahaman, Dato Maharajalela dan ramai lagi. Ini adalah strategi kepimpinan (Ahmad Kamar, 1984). Jika kita mengimbuai pula, latar belakang perdana menteri Malaysia itu mempunyai pelbagai susur-galurnya. Namun yang mempunyai darah keturunan diraja cuma Tunku Abdul Rahman sahaja yang lain adalah mereka yang dianggap bangsawan disebabkan ketinggian mereka menguasai bidang ekonomi, politik, agama dan lain-lain bidang yang membezakannya dengan rakyat marhain yang lain. Ini memungkin mereka dilantik menjadi pemimpin.

Dalam soal kepimpinan Melayu, pengkajiannya pasti menjurus kepada pengkajian adat melayu kerana ini adalah watak atau imej kepada Melayu. Setiap orang melayu mempunyai adat yang berlainan mengikut tempat seperti adat pepatih, adat jawa dan banyak lagi. Adapun dalam pemilihan pemimpin, rakyat Malaysia sangat dekat dengan adat Islam. Ini bermakna dalam menaikkan seseorang pemimpin itu, perlu ada dalam diri seorang pemimpin itu agama

Islam. Menurut Harsja Bachtiar, seseorang pemimpin yang gagal menonjolkan dirinya sebagai seorang Islam, maka jawatannya itu tidak akan kekal lama atau tidak dipilih langsung. Sebagai contoh seorang Kristian tidak akan sama-sekali dilantik menjadi pemimpin orang melayu-Islam. Alasannya adalah kerana ini dapat mendekatkan diri masyarakat kepada jalan-jalan dunia Islam ketika mana di zaman Rasulullah (s.a.w) dahulu. Oleh yang demikian ciri seorang pemimpin itu dilantik perlu ada kualiti sama dengan nabi Muhammad iaitu amanah, benar, menyampaikan dan kebijaksanaan (Ahmad, 1984).

Memandang situasi yang berlaku dalam pemilihan perdana menteri Malaysia kelihatannya itu berbeza dengan apa yang berlaku dalam pemilihan kesultanan Melayu yang sangat menitik beratkan penilaian darah keturunan diraja. Ini adalah kerana jika ditinjau aspek kebangsawanan itu luas dan mencakupi beberapa sisi yang berlainan. Dalam pemilihan perdana menteri Malaysia itu menjurus kepada kebangsawanan yang berkaitan kemahiran yang tinggi berbanding darah keturunan. Cuma Tunku Abdul Rahman sahaja yang berdarah diraja dan yang lain sebaliknya. Ini ditambah pemilihan pemimpin di Malaysia itu berbentuk demokrasi yang menjalankan proses pilihanraya seluruh negara melibatkan semua rakyat Malaysia. Pasti banyak sisi penilaian yang dilihat rakyat Malaysia untuk memilih seseorang calon dan dilantik sebagai pemimpin tertinggi negara. Justeru itu, penulis melihat situasinya sama sahaja dengan apa yang berlaku di zaman khulafa rasyidin yang mana pemilihan kaum quraisy adalah bonus begitujuga melantik golongan bangsawan melayu sebagai pemimpin juga dilihat sabagai faktor yang memberi bonus kepada calon pemimpin. Kerana telah terbukti ramai dari kalangan pemimpin yang dilantik tidak mempunyai apa-apa keistimewaan tetapi atas dasar menyokong kumpulan yang bertanding. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ahmad Kamar tadi bahawa meletakkan calon pemimpin yang mempunyai taraf elit sebagai satu strategi kepimpinan dan ini mempunyai

peratus yang tinggi untuk dipilih oleh rakyat melalui proses pilihanraya.

Kesimpulan

Penggunaan bangsawan dalam pemilihan pemimpin dalam kerajaan Islam itu berlainan konsep dan pemahaman. Di zaman khulafa rasyidin, alasan memilih kaum quraisy bukanlah kerana darahnya yang mulia disebabkan Rasulullah (s.a.w) datang dari kaum tersebut, tetapi adalah kerana sikap dan kelompok yang sangat kuat dan ramai serta budaya kaumiyyat yang kuat antara mereka menjadikan mereka kaum yang sering dikatakan sebagai pewaris kepada kerajaan Islam selepas Nabi Muhammad SAW wafat. Ini sebagaimana yang pernah dijelaskan oleh Ibnu Khaldun dan ramai lagi tokoh bercakap mengenai ini. Adapun di Tanah Melayu memandang kebangsawanan itu mempunyai dua pemahaman iaitu pertama, melalui darah keturunan yang berlanjutan sehingga kini dalam pewarisan sistem kesultanan dan pembesar tempatan. Kedua, melalui ketinggian kefahaman ilmu atau bidang-bidang seperti ekonomi, politik, sosial, agam dan lain-lain yang membezakannya dengan golongan masyarakat biasa. Maka dengan yang demikian, berdasarkan aspek pemahaman kebangsawanan ini sememangnya luas mengikut kesesuaian budaya setempat. Penulis juga sangat yakin mengatakan bahawa aspek kebangsawanan dalam pemilihan Khulafa Rasyidin itu hanya kriteria yang menambahkan lagi kepercayaan kepada masyarakat umum untuk memilih Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali kerana aspek yang lebih besar dipandang awam untuk memilih mereka memikul tanggungjawab yang besar ini adalah kerana peribadi, keislaman dan dekatnya mereka dengan Nabi Muhammad SAW yang secara kebetulan mereka datangnya dari keturunan quraisy dan bangsawan. Begitu juga dalam pelantikan pemimpin di Malaysia yang mana aspek kebangsawanan sahaja sukar dijadikan sandaran mereka dipilih kerana sistem yang diamalkan kini adalah pilihanraya yang mana pelbagai aspek dan sisi pandang yang pelbagai dilihat oleh rakyat untuk memilih

pemimpin mereka. Situasinya sama dengan quraisy iaitu pemilihan kelas atasan melayu adalah sekadar kriteria yang menonjolkan lagi serta memberi kepercayaan kepada rakyat untuk memilih mereka sebagai pemimpin. Ini yang digelar strategi kepemimpinan dalam istilah politiknya.

Rujukan

A. Hasjmy (1970). *DiMana Letaknya Negara Islam!*. Penerbitan Pustaka Nasional: Singapura.

Abdul Rahman (1976). *Politik Bangsa Melayu*. Penerbit Adabi Sdn.Bhd, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Ahmad Jelani Halimi (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abdurrahman Umairah (2000). *Rijalun wa Nisaa'un Anzalallahu Fiihim Qur'aana*. Terj. M Syihabuddin. Gema Insani Press, Jakarta, Indonesia.

Ahmad Kamar (1984). *Malay And Indonesian Leadership In Perspective*. Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman: Universiti Malaya.

Al-Attas, S.M.N., & Wan Mohd Nor, W.D. (2007). *The Iclif Leadership Competency Model (Lcm): An Islamic Perspective*. International Center For Leadership In Finance (Iclif): Kuala Lumpur.

Ali Husni, A. K. (1969). *Al-Islam wa al-Khilafah*. Dar al-Beirut Li Taba'ah wa al-Nasyar. Beirut.

Al-Mundziri, Z. A. A. (2004). *Ringkasan Shahih al-Bukhari*. *Kitab Ahadith al-Anbiya'*. Bab Manaqibi Quraisy. Crescent News (KL) Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.

Arnold. T. W. (1965). *The Caliphate*. Routledge & Kegan Paul LTD, London.

Dhiaudin, R. (2001). *Teori Politik Islam*. Gema Insani, Jakarta, Indonesia.

Husin, A. (1977). *Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia*, Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd, Singapura.

Hughes, P. T. (1964). *A Dictionary Of Islam Being A Cyclopedia of the Doctrines, Rites, Ceremonies, And Customs, Together With The Technical And Theological Terms of The Muhammadan Religion*. Premier Book House Publisher & Booksellers, Lahore, Pakistan.

Husain, S. A. (1974). *The Glorious Caliphate*. Academy Of Islamic Research and Publications, India.

Ibnu Katsir (2004). *Bidayah Wa Nihayah Masa Khulafa'ur Rasyidin*. Trjh. Abu Ihsan al-Atsari. Darul Haq, Jakarta, Indonesia.

Ibnu Khaldun (1993). *Muqaddimah*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia (1985). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, Malaysia.

Marzuki, M. (1994). *Isu-Isu Kontroversi Dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mukarram Ahmed, M. (2005). *Encyclopedia Of Islam*. Vol 7. *Islam Campaign Against Evil*. Anmol Publications Pvt. Ltd, New Delhi, India.

Muslim, A.H.M.H. (1999). *Shahih Muslim*. *Kitab al-Imarah*. Bab an-Nas Taba'un li Quraisyin wa al-Khilafah fi Quraisy. Terj. K.H Adib Bisri Musthofa. Victory Agencie, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mustafa, E. (2009). *Focus Ace Spm Pendidikan Islam*. Pelangi Publishing Group, Bangi, Malaysia.

Muzaffar, H.M., & Suzana, T. T .H. O. (2003). Seratus Sepuluh Soal Jawab; Melayu Islam Beraja. Pustaka BSM Enterprise, Shah Alam, Malaysia.

Nazar Muhammad, Q. (2009). Dirasah Fi Tarikh Al-Fikr As-Siyasi Al-Islami. Darul Zaman, Damsyiq, Syria.

Noresah, B. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Sartono, K. (1981). Elite Dalam Perspektif Sejarah. Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, Jakarta.

Taha Hussain (1966). Fitnatul Kubra 'ala wabanahu. Darul Ma'arif. Mesir.

